

TERMA DAN SYARAT
MATA GANJARAN BAGI PEMBELIAN DI MERCHANT CATEGORY CODE BAGI
PEMEGANG KAD KREDIT-i BANK RAKYAT MUSLIMAH, PLATINUM EXPLORER,
MY FIRST dan PAUTM

KELAYAKAN DAN SPESIFIKASI KAD

- a) Lima (5) Mata Ganjaran bagi setiap RM10 yang dibelanjakan bagi transaksi Patuh Syariah ini hanya **LAYAK** untuk pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat Muslimah, Platinum *Explorer*, *My First* dan PAUTM **SAHAJA** (termasuk pemegang Kad Tambahan dan warga kerja Bank Rakyat).
- b) Lima (5) Mata Ganjaran bagi setiap RM10 yang dibelanjakan bagi transaksi Patuh Syariah hanya **SAH** untuk pembelian di *Merchant Category Code* terpilih dengan menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat Muslimah, Platinum *Explorer*, *My First* dan PAUTM **SAHAJA**.
- c) Lima (5) Mata Ganjaran bagi setiap RM10 yang dibelanjakan bagi transaksi Patuh Syariah akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang kad prinsipal Kad Kredit- i Bank Rakyat Muslimah, Platinum Explorer, *My First* dan PAUTM bagi setiap pembelian di *Merchant Category Code* (MCC) seperti berikut:

NO.	MCC YANG LAYAK	DESKRIPSI
1.	5552	Pengecas Kenderaan Elektrik
2.	5931	Kedai Barangan Terpakai
3.	8211	Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah
4.	4111	Pengangkutan – Penumpang Komuter Pinggir Bandar dan Tempatan, termasuk Feri
5.	8398	Organisasi Perkhidmatan Sosial Kebajikan

PENTING: KOD KATEGORI PEDAGANG (MCC) TIDAK TERHAD DAN AKAN DIKEMAS KINI DARI SEMASA KE SEMASA.

- d) Mata ganjaran akan dikreditkan bagi transaksi Patuh Syariah yang diluluskan sahaja.
- e) Bank berhak untuk menarik balik mata ganjaran yang telah dikreditkan sekiranya berlaku mana-mana perkara seperti berikut:
 - i) Pemegang kad melakukan penipuan atau salahnyataan dalam maklumat yang diberikan; atau
 - ii) Pemegang kad menyalahgunakan program dalam bentuk apa sekali pun; atau
 - iii) Terdapat urusan niaga yang tidak sah, dikembalikan, dipertikaikan atau dibatalkan.

TERMA DAN SYARAT UMUM

- 1. Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum Kad Kredit-i Bank Rakyat.
- 2. Pemegang kad bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan bersetuju untuk mengakses laman sesawang Bank Rakyat dari semasa ke semasa untuk melihat sebarang perubahan atau variasi terhadap Terma dan Syarat untuk mendapatkan penerangan daripada Bank Rakyat sekiranya terdapat kekeliruan dalam

memahami Terma dan Syarat yang dinyatakan.

3. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kejadian yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik atau pandemik, kegagalan sistem atau apa-apa kejadian yang berlaku di luar kawalan Bank Rakyat.
4. **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG- UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI, TELADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
5. Melainkan yang diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan.
6. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.
7. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 atau layari www.bankrakyat.com.my.
8. Jika terdapat apa-apa percanggahan terjemahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Malaysia dengan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris akan terpakai.